

Rujukan : UKM KKL. 20/ 224/ 2/ 4 JLD 6

Tarikh : / Julai 2019

SURAT EDARAN BENDAHARI (KKL) BIL. 6/ 2019

Ketua-Ketua / Pengurus-Pengurus

Jabatan/ Bahagian/ Unit, Hospital Canselor Tuanku Muhriz/ Hospital Pakar Kanak-Kanak
Kampus Kuala Lumpur

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ To' Puan/ Tuan/ Puan,


- a. PEMBELIAN TERUS BAGI PEROLEHAN UBAT, PERALATAN PERUBATAN, PERALATAN CONSUMABLES, REAGEN, PRODUK SUSU DAN PENGGANTIAN PERALATAN DAPUR**
- b. PELAKSANAAN KAEDAH SEBUT HARGA BERNILAI MELEBIHI RM20,000.00 SEHINGGA RM50,000.00**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat rujukan no. MOF.BPK (S) 600-1/10/13(7) bertarikh 27 Februari 2019 telah memberi kelulusan khas bagi Perolehan Ubat, Peralatan Perubatan, Peralatan *Consumables*, Reagen, Produk Susu Dan Penggantian Peralatan Dapur untuk Hospital Pengajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia seperti berikut :

- a. Perolehan Berkaitan Perolehan Ubat, Peralatan Perubatan, Peralatan *Consumables*, Reagen, Produk Susu Dan Penggantian Peralatan Dapur.**

Bil	Perkara	Kelulusan MOF
1.	Perolehan ubat, peralatan perubatan, peralatan <i>consumables</i> , reagen dan produk susu	(a) Pembelian Terus Sehingga RM50 Ribu i) Sehingga RM20 ribu - dilaksanakan dengan pembekal tempatan yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan MOF. ii) Melebihi RM20 ribu sehingga RM50 ribu - dilaksanakan dengan pembekal tempatan yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan MOF.



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 01547

JABATAN BENDAHARI (KAMPUS KUALA LUMPUR)

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, PPUKM, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Telefon: +603 – 9145 5198/ 6061/ 5225/ 5227 Faksimili: +603 – 9145 6653 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/kewangan>

Bil	Perkara	Kelulusan MOF
		iii) Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan minimum tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan. (b) Pengecualian Pengkelasan i) Pengecualian ke atas pengkelasan item dan larangan pecah kecil perolehan tahunan; ii) Ubat yang mempunyai nama generik/ fungsi yang sama tetapi berbeza dari segi kekuatan, bentuk, dos, dan saiz tidak ditafsirkan sebagai satu item yang sama dan perolehan dilaksanakan secara berasingan mengikut senarai ubat dalam Formulari Ubat KKM; dan iii) Walau bagaimanapun, pengecualian ke atas pengkelasan item tidak terpakai bagi ubat biasa (<i>most prescribed medications</i>) seperti <i>painkiller drug</i> (paracetamol), antibiotik dan <i>blood pressure drugs</i>. (c) Kelulusan khas ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019.

b. Pelaksanaan Kaedah Sebut Harga Bernilai Melebihi RM20,000.00 Sehingga RM50,000.00

Merujuk Pekeliling Bendahari Bil 9/ 2014 bertarikh 22 April 2014 dan Bil 10/ 2014 bertarikh 23 Mei 2014 dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia P.K 2.1 adalah berkaitan dan dimaklumkan bahawa bagi item selain item yang dinyatakan di atas (perkara a), YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ To' Puan/ Tuan/ Puan masih tertakluk dengan kaedah perolehan secara Sebut Harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000.

- i.) Kaedah dan syarat perolehan Sebut Harga adalah mengikut tatacara sedia ada dengan kelonggaran seperti berikut:-

Bil	Perkara	Surat Pekeliling Perbendaharaan 1/ 2014
1.	Pelawaan Kepada Syarikat	a) Pusat Tanggungjawab (PTJ) membuat pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. b) PTJ dikehendaki menggunakan Dokumen Sebut Harga 'B' untuk Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja (Lampiran 1) yang disediakan oleh Jabatan Bendahari semasa membuat pelawaan.



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 01547

JABATAN BENDAHARI (KAMPUS KUALA LUMPUR)

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, PPUKM, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Telefon: 603 – 9145 5198/ 6061/ 5225/ 5227 Faksimili: +603 – 9145 6653 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/kewangan>


Bil	Perkara	Surat Pekeliling Perbendaharaan 1/ 2014
		c) Syarikat perlu mengemukakan Borang Tawaran Harga dan Surat Akuan Pembida (Lampiran F) semasa mengemukakan tawaran dan dihantar sebelum tarikh tutup iklan.
2.	Tempoh Notis	Tempoh notis iklan dipendekkan kepada tiga (3) hari.
3.	Kaedah Penerimaan	Tawaran sebut harga dikemukakan terus kepada PTJ melalui faks/ surat/ e-mel/ serahan tangan (peti sebut harga tidak wajib).
4.	Jawatankuasa Penilaian	Satu jawatankuasa memadai dan Ketua Jabatan PTJ melantik sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk pengerusi sebagai Ahli Jawatankuasa Penilaian.

ii) Kaedah dan syarat tambahan:-

Bil	Perkara	Surat Pekeliling Perbendaharaan 1/ 2014
1.	Tempoh Penilaian	Tempoh penilaian disarankan dalam tempoh tujuh (7) hari dan sebutharga adalah masih dalam tempoh sah laku.
2.	Kaedah Iklan	PTJ boleh membuat pelawaan melalui kaedah seperti berikut:- a) Laman sesawang b) Papan kenyataan c) E-mel d) Surat
3.	Dokumen untuk kelulusan Jabatan Bendahari	PTJ wajib mengemukakan Senarai Semak Sebut Harga 'B' dengan mengisi dan melengkapkan:- a) Borang Penilaian Sebut Harga 'B' (Lampiran 2) b) Senarai Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga "B" (Lampiran 3). c) Surat Akuan Jawatankuasa (Lampiran B dan C).

Sukacita pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ To' Puan/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan di bawah seliaan pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ To' Puan/ Tuan/ Puan.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ To' Puan/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 01547

JABATAN BENDAHARI (KAMPUS KUALA LUMPUR)

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, PPUKM, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Telefon: +603 – 9145 5198/ 6061/ 5225/ 5227 Faksimili: +603 – 9145 6653 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/kewangan>

Sekian.

Yang benar,




WAN OMI BINTI HJ. WAN YUSSOP

Menjalankan Tugas

Timbalan Pengarah Kewangan

Jabatan Bendahari (Kampus Kuala Lumpur)

- s.k
- **YBhg. Prof. Datuk Dr A Rahman A Jamal**
Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
UKM
 - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Hanafiah Harunarashid**
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Fail



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 01547

JABATAN BENDAHARI (KAMPUS KUALA LUMPUR)

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, PPUKM, Kampus Kuala Lumpur,

Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Telefon: 603 – 9145 5198/ 6061/ 5225/ 5227 Faksimili: +603 – 9145 6653 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/kewangan>

RALAT : SURAT EDARAN BENDAHARI (KKL) BIL. 6/2019

Bahagian Pengurusan Korporat KKL <prohukm@ppukm.ukm.edu.my>
Bcc: edar@ppukm.ukm.edu.my

2 August 2019 at 09:28

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Berlampir adalah makluman dari **Jabatan Bendahari Kampus Kuala Lumpur** untuk perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/Tuan/ Puan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi **03-9145 6489**.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.



Bahagian Pengurusan Korporat
Pusat Jaringan, Komunikasi Korporat Dan Teknopolis Kesihatan
Kampus Kuala Lumpur
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tel : +603-9145 5057/5058/6313 | Fax: +603-9145 6640 |
Web : <http://www.ukm.my/provckl>

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Untuk makluman terdapat **RALAT** pada Surat Edaran Bendahari (KKL) Bil. 6/2019 yang telah diadarkan kepada pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan pada 05 Julai 2019 (Jumaat) seperti berikut:-

Bil.	Surat Edaran Bendahari Bil. 6/2019	Pindaan
1	a. Bil. 1. (a) ii) Melebihi RM20 ribu sehingga RM50 ribu - dilaksanakan dengan pembekal tempatan yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan MOF	a. Bil. 1. (a) ii) Melebihi RM20 ribu sehingga RM50 ribu - dilaksanakan dengan pembekal tempatan yang berdaftar dengan MOF
2	b. i) Bil 1. b) PTJ dikehendaki menggunakan Dokumen Sebut Harga 'B' untuk Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja (Lampiran 1) yang disediakan oleh Jabatan Bendahari semasa membuat pelawaan.	b. i) Bil 1. b) PTJ dikehendaki menggunakan Dokumen Sebut Harga 'B' untuk Bekalan/ Perkhidmatan (Lampiran 1) yang disediakan oleh Jabatan Bendahari semasa membuat pelawaan.

Sehubungan itu, pindaan ini perlu dibaca bersekali dengan Surat Edaran Bendahari yang di email pada 5 Julai 2019. Sekian, sebarang kesulitan amat dikesali dan segala kerjasama serta perhatian daripada pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan diucapkan ribuan terima kasih

NORLIZA MAT NOR
Unit Dasar & Penguatkuasaan
Jabatan Bendahari Kampus KL
Tel: 03- 9145 6489